

UMS anjur ceramah pemindahan ilmu di Kg. Sungai Bedaun

UB 23.10.2024 P.02

LABUAN: Selepas gotong-royong minggu lalu, penyelidikan dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melawat semula komuniti Kampung Sungai Bedaun, di sini.

Kunjungan kali ini bukan sahaja untuk memerhati perkembangan projek penanaman cendawan, tetapi lebih penting menganjurkan ceramah bertemakan pemindahan ilmu kepada penduduk kampung.

Ia bertujuan memperkukuh kelestarian projek yang dilaksanakan di kampung berkenaan.

Ceramah dibahagikan kepada tiga sesi, iaitu pengu-urusan kewangan, strategi pemasaran, dan asas penana-

man cendawan.

Setiap sesi disusun dengan teliti untuk membantu komuniti bukan sahaja meningkatkan kemahiran penanaman, malah juga mampu mengurus dan menjual hasil cendawan dengan lebih berkesan bagi meningkatkan hasil dan manfaat ekonomi.

Dalam sesi pengurusan kewangan, Dr. Sharinah Puasa menerangkan secara mendalam bagaimana keuntungan boleh diagih secara berkesan untuk memastikan projek ini dapat beroperasi dengan berterusan.

Beliau menekankan **kepentingan pengurusan kewangan** dalam pembangunan ekonomi komuniti dan **menggalakkan penduduk untuk mempunyai perancangan**

dalam penggunaan pendapatan mereka bagi menghadapi cabaran ekonomi di masa hadapan.

Dalam sesi strategi pemasaran, Dr. Emily Yapp Hon Tshin berkongsi cara bagaimana produk cendawan Kg. Sungai Bedaun dapat membezakan diri di pasaran.

Beliau menyatakan bahawa dalam persekitaran pasaran yang kompetitif masa kini, elemen pembezaan adalah kunci untuk meningkatkan permintaan produk.

Dr. Emily juga mencadangkan beberapa strategi pemasaran penting kepada penduduk kampung, supaya mereka dapat mempromosikan produk mereka dengan lebih berkesan.

“Kita perlu mencari beber-

apa ciri unik yang mewakili cendawan Kg. Sungai Bedaun supaya dapat menarik lebih ramai pembeli dan meningkatkan permintaan pasaran,” katanya.

Beliau juga berharap dalam beberapa tahun akan datang, hasil cendawan bukan sahaja mampu memenuhi permintaan tempatan, malah dapat berkembang ke pasaran lebih luas, seterusnya meningkatkan taraf hidup keseluruhan komuniti.

Dalam sesi asas penanaman cendawan, pegawai dari Jabatan Pertanian WP Labuan, Zaimi Abu Bakar memberikan panduan kepada penduduk kampung mengenai teknik penanaman cendawan yang asas dan perkara yang perlu diberi perhatian.



ALBUM: Penyelidik dari UMS bergambar bersama penduduk ketika melawat semula komuniti Kampung Sungai Bedaun.